

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)35

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

35. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan warisan tidak ketara untuk disenaraikan sebagai warisan dunia demi pembangunan bidang kebudayaan dan pelancongan Negeri Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

35. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara untuk mencalonkan tiga warisan kebudayaan tidak ketara iaitu Kebaya Nyonya, Chingay dan Tarian Singa sebagai *UNESCO Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity*.

Pakaian tradisional kebaya telah dicalonkan secara bersama oleh Malaysia, Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand pada tahun 2023 sebagai *Kebaya: knowledge, skills, traditions and practices*. Pencalonan ini sedang dalam proses penilaian oleh pihak UNESCO.

Di samping itu, beberapa siri bengkel telah diadakan oleh Jabatan Warisan Negara dengan melibatkan penyertaan dari pihak-pihak

berkepentingan bagi penyediaan dokumen pencalonan persembahan Chingay (pencalonan bersama Malaysia dan Singapura) dan Tarian Singa (pencalonan bersama Malaysia dan China).

Kerajaan Negeri melalui Pejabat EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif telah mengeluarkan surat sokongan untuk pencalonan Chingay dan Tarian Singa kepada Jabatan Warisan Negara.

Kerajaan Negeri telah menyokong berlangsungnya Pameran Baju Kebaya. Kerajaan Negeri turut menganjurkan Pertandingan Tarian Singa Atas Tiang Antarabangsa setiap tahun di Kepala Batas. Kerajaan Negeri juga turut mengadakan Perarakan Chingay tahunan di George Town dan juga di Butterworth.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri dengan kerjasama Jabatan Warisan Negara juga telah mengadakan Bengkel Pencalonan Warisan Tidak Ketara untuk "*Representative List Of The Intangible Culture Heritage Of Humanity*" bagi membantu pihak-pihak berkepentingan memahami proses dan keperluan dalam penyediaan dokumen pencalonan.